

Kejayaan SK Kanchong Tengah

Buat pertama kali 10 murid terlibat pertandingan KMC peringkat kebangsaan bagi tahun ini

KANCHONG TENGAH - Sekolah Kebangsaan (SK) Kanchong Tengah buat pertama kali telah menyertai pertandingan Kangaroo Math Competition (KMC) peringkat kebangsaan bagi tahun ini.

Guru Besarnya, Azmi Kamal Mat Lazim berkata, murid yang terlibat telah diberikan pendedahan dan bimbingan sebelum pertandingan bertujuan memperluaskan pengalaman mereka walaupun berada di luar bandar.

INFO • Seorang murid iaitu Muhammad Firas Izzan Zaidi berjaya dapat pingat gangsa dan lapan murid lain berjaya mendapat sijil kehormat

Menurutnya selain itu, ia adalah untuk mengatasi isu fobia terhadap mata pelajaran matematik dan sesuai dengan program pemantapan matematik sekolah.

"Atas kerjasama dan sokongan ibu bapa yang sanggup mengeluarkan kos penyertaan, seramai 10 murid terlibat dan telah menyertai pertandingan tersebut pada 16 Mac lalu. "Hasilnya, seorang daripada murid iaitu



Azmi bersama pelajar-pelajarnya yang berjaya

Muhammad Firas Izzan Zaidi berjaya mendapat pingat gangsa dan lapan murid lain berjaya mendapat sijil kehormat. Murid-murid ini juga seterusnya telah terlibat dalam pertandingan Singapore and Asian Schools Math Olympiad (Sasmo) peringkat antarabangsa pada 5 April

lalu," katanya yang berkongsi berita gembiranya.

Azmi berkata, manakala seorang lagi turut berjaya mendapat pingat gangsa iaitu adik Wan Nur Afiqah Wan Ismail.

Katanya, murid berkenaan ditawarkan bertanding di Singapura

namun terpaksa ditolak kerana kekangan kewangan yang melibatkan kos sebanyak RM5,300 termasuk seorang penjaga.

"Penglibatan pelajar ini adalah atas dorongan saya dan saya sendiri sentiasa menerapkan kepada pelajar supaya sentiasa menjadi, mencari



Tarikan menu disajikan Kafe Pisau Cukur tular di media sosial

Walaupun hanya menyajikan dua menu makanan sahaja, Kafe Pisau Cukur tidak pernah sunyi dari kunjungan pelanggan.

Keenakan Nasi Ganja Pak Lah dan Laksa Ikan Sekoq yang ditawarkan di kafe yang terletak di Banting Baru, Kuala Langat ini punya kehebatan rasa tersendiri sehingga mampu menggamit orang ramai datang menikmatinya.

Kafe yang diusahakan Edy Raizullah Jamil, 36, bersama isteri, Marsuhaini Ahamad Saupi, 37, turut

menghidangkan minuman percuma kepada pelanggan sebagai pelengkap kepada dua menu pilihan yang diminta pelanggan.



"Kami ambil keputusan memfokuskan hanya dua pilihan makanan bersama air percuma dengan harga paling relevan iaitu RM5 sebab utamanya adalah untuk meningkatkan kualiti dan menghidangkan makanan yang enak kepada pelanggan. Selain itu, kami mahu menawarkan hidangan yang harga mampu dinikmati oleh pelanggan kami," kata Edy ketika ditemui di kafanya.

Tambahnya, dia yang suka memasak telah membuka Kafe Pisau Cukur ini sebagai percubaan untuk bantu meringankan beban pelanggan.

"Saya nak beritahu bahawa, sebenarnya masih terdapat kafe yang boleh sediakan satu set makanan dan air pada harga paling rendah. Saya fikir sepinggan nasi ganja yang dilengkapi ayam dan sepinggan laksa yang turut dihidangkan dengan seorok ikan adalah tarikan pengunjung sehingga ia menjadi tular di media sosial.

"Sebab itu, walaupun baru beroperasi seminggu, pelanggan tidak putus-putus singgah. Ada



Edy dan isteri, Marsuhaini menunjukkan dua jenis hidangan berserta air minuman di Kafe Pisau Cukur.

kalanya makanan yang hanya disediakan untuk 50 set setiap hidangan habis awal," katanya sambil memberitahu kafanya hanya menyediakan 50 set Nasi Ganja Pak Lah dan 50 Laksa Ikan Sekoq setiap hari bermula jam 11 pagi hingga 6 petang.

Katanya, mereka berhasrat menambah set tersebut bagi menunaikan permintaan pelanggan yang semakin ramai dan tidak dinafikan kekangan kakitangan juga antara membataskan penjualan yang melebihi had.

"Buat masa ini, operasi kafe ini dijalankan hanya dari kalangan ahli keluarga sahaja," katanya.

Sementara itu Marsuhaini berkata, dia tidak sangka rezeki berniaga selepas menjadi suri rumah sepenuh masa melimpah. "Alhamdulillah, rezeki ALLAH

bagi. Sekarang ni kami berdepan permintaan ramai pelanggan terhadap dua hidangan. Saya gembira makanan yang disediakan jadi pilihan pelbagai masyarakat di sini.

"Kafe kami dikunjungi pelbagai peringkat antara kakitangan institusi pengajian, pelajar, orang awam dan penduduk," katanya.

Ibu kepada empat cahaya mata ini memberitahu, saat paling seronok dilaluinya sepanjang menguruskan Kafe Pisau Cukur adalah apabila kafe beri kupon percuma kepada pelanggan.

"Bila tengok pelanggan seronok makan kat kafe ni, kita pun gembira dan akan mengekalkan harga RM5 ini kepada pelanggan. Selain tu, resipi kedua-dua makanan ni pun adalah resipi daripada mak mertua saya, Junidah Masran yang turut sama membantu di kafe kami," katanya.

Dalam pada itu, Kafe Pisau Cukur itu turut menyediakan perkhidmatan potong rambut yang dikenali dengan nama Guido Barber Shop.



Edy dan isteri sempat melayan pelanggan yang singgah menikmati hidangan di kafe mereka.